

PENDEKATAN KONTEKSTUAL DALAM LATIHAN PEMANASAN SUARA OLEH KONDUKTOR KUMPULAN KOIR

*Contextual Approach of Voice Warm Up Exercises
by Choir Conductors*

¹*Fauzila Abdul Latif*

²*Rita Mardhatillah Umar Rauf*

¹*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*

²*Universiti Putra Malaysia,*

¹*fauzila@ipgkik.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini mendokumentasikan latihan pemanasan suara menggunakan pendekatan kontekstual oleh konduktor kumpulan koir yang berprestij di Semenanjung Malaysia. Tujuan kajian ini dijalankan ialah bagi mengenal pasti pendekatan pedagogi melalui latihan pemanasan suara yang diamalkan oleh tiga orang konduktor kumpulan koir ke arah mencapai kualiti nyanyian bagi ahli kumpulan masing-masing. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan instrumen temu bual, dan pemerhatian bagi mendapatkan data. Kaedah temu bual digunakan terhadap tiga orang konduktor koir dan kaedah pemerhatian pula digunakan sewaktu sesi pemanasan suara dijalankan oleh konduktor terhadap ahli kumpulan masing-masing. Dapatan kajian menunjukkan pelbagai pendekatan kontekstual yang berkonsepkan menghubung kait telah diguna pakai oleh konduktor melalui strategi pengajaran tersendiri untuk mewujudkan kefahaman ahli koir. Kajian ini akan memberi implikasi baharu dalam menangani pendekatan kontekstual dalam kalangan pendidik, pelajar, konduktor, penyanyi, dan juga generasi masa depan yang berminat memahami secara mendalam pedagogi berkaitan latihan bagi aktiviti muzikal koir.

Kata kunci: pembelajaran kontekstual, konsep menghubung kait, pemanasan suara, pedagogi koral, konduktor koir.

ABSTRACT

This study documents vocal exercise training using a contextual approach by prestigious choir conductors in Peninsular Malaysia. The purpose of this study is to identify the pedagogical approaches adopted by three choir conductors in achieving the quality of singing for their respective group members through voice training exercises. The design of this study is qualitative in nature. The study uses interviews and observations for data collection. All three choir conductors were interviewed while the observation method was used during a voice-warming up sessions carried out by the conductors with their respective groups. The findings show that various contextual approaches for choir training have been adopted by conductors with their own strategy using linking concept to create an understanding among the choir members. This study will have new implications in addressing contextual approaches among educators, students, conductors, singers, as well as future generations who are keenly aware of the training pedagogy for choir musical activities.

Keywords: contextual learning, linking concept, voice warm up, choral pedagogy, choir instructor.

PENGENALAN

Kepelbagaiannya pendekatan pengajaran telah dikenal pasti dalam pedagogi koral dan sains vokal yang berkaitan dengan perkembangan suara. Di dalam latihan koir, pelaksanaan sistem penyampaian yang berkualiti, kepimpinan yang cekap dan berkesan adalah keperluan yang menyumbang kepada kualiti bunyi bagi menghasilkan paduan suara yang mantap. Bagi mencapai wadah pembangunan individu secara holistik, pendekatan kontekstual tidak terkecuali daripada digunakan oleh para konduktor koir bagi tujuan mengembang dan menggalakkan sesebuah pembelajaran yang produktif dan bermakna.

Pembelajaran kontekstual adalah merupakan pendekatan konstruktivis, yang mana ia memberi tumpuan kepada pengetahuan yang sangat kontekstual dan relevan kepada pelajar (Johnson, 2002; Morrell, 2003). Pendekatan kontekstual menekankan konsep dan kemahiran proses dunia nyata yang berkaitan dengan pelajar dari pelbagai latar belakang. Pendekatan ini memotivasi pelajar untuk membuat hubungan antara ilmu pengetahuannya dan mengaplikasikan untuk kehidupan mereka (Sears & Hersh, 2000). Walaupun kaedah kontekstual dapat membantu memberi impak terhadap peningkatan kefahaman pelajar terhadap isi pelajaran, namun pengendaliannya masih lemah. Menurut Bond (2004), kandungan kursus akademik menggunakan kaedah pengajaran kontekstual telah disusun dari konsep dan prinsip abstrak yang digabungkan dengan contoh-contoh yang lemah dan kaedah kontekstual telah disampaikan dengan tidak baik. Beliau berpendapat bahawa semua pelajar boleh belajar jika maklumat dikemukakan kepada mereka melalui kaedah dan strategi yang sepadan dengan perkembangan semula jadi dan kebolehan mereka. Melalui kajian oleh Regina (2016: 7), antara masalah pembelajaran yang timbul adalah kerana; i) kurang efektifnya komunikasi interpersonal guru dan siswa, ii) bahan pembelajaran yang kurang kontekstual, dan iii) kurang komitmen siswa sewaktu mengikuti proses pembelajaran. Gafur (dalam Suherli, 2009) pula menjelaskan bahawa sistem pembelajaran dewasa ini bersifat teoritis yang menyebabkan sebahagian besar siswa-siswi belum dapat menangkap makna dari apa yang mereka peroleh dari pembelajaran untuk dihubungkan dengan kehidupan mereka dikemudian hari.

Bagi mewujudkan kefahaman ahli koir terhadap maksud yang tersirat di dalam konsep muzik serta teknik nyanyian, seseorang konduktor koir perlu mahir dalam pedagogi koral untuk menyesuaikan pendekatan yang akan mereka gunakan. Rolsten (2011), telah menjelaskan bahawa teras bagi pengeluaran prestasi yang bermutu adalah kepercayaan dan nilai-nilai yang sama terdapatnya di antara konduktor koir dan penyanyi. Melalui kenyataan beliau ini, dapat ditakrifkan bahawa, untuk mencapai kejayaan dalam aktiviti paduan suara, memerlukan sikap saling memahami di antara konduktor dan ahli koir terutamanya dari segi kecenderungan dan matlamat peserta dalam kumpulan bagi memudahkan komunikasi pembelajaran berlangsung. Melalui kajian oleh Ehmann dan Flummerfelt, yang dipetik dalam Olesen (2010) menjelaskan, kehadiran konduktor koir daripada pelbagai latar belakang yang menjalankan sistem latihan pelbagai gaya melalui pedagogi koral akan mempengaruhi prestasi ahli kumpulan koir. Ini menunjukkan bahawa strategi daripada konduktor koir dapat memotivasi dan membentuk identiti sesebuah kumpulan koir.

Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini ialah bagi melihat bagaimana konduktor koir mengendalikan latihan pemanasan suara melalui pendekatan kontekstual terhadap ahli kumpulan koir tempatan. Sebanyak tiga buah kumpulan koir sekitar Semenanjung Malaysia telah dijadikan sampel bagi kajian ini. Kumpulan ini telah dikenal pasti antara yang berjaya dalam menghasilkan persembahan-persembahan yang bermutu, dan mempunyai rekod cemerlang sepanjang penglibatan mereka dalam persembahan koir di dalam mahupun luar negara. Penyelidikan yang dibuat adalah berdasarkan objektifnya iaitu meneroka pendekatan kontekstual dalam latihan pemanasan suara yang dijalankan oleh konduktor koir di Semenanjung Malaysia. Manakala persoalan kajian adalah bagi menjawab bagaimanakah pendekatan kontekstual dalam latihan pemanasan suara dijalankan oleh konduktor koir di Semenanjung Malaysia.

Siasatan hanya tertumpu pada latihan pemanasan suara dengan memfokuskan terhadap strategi pengajaran oleh konduktor koir menerusi Pendekatan Kontekstual. Matlamat kajian ini adalah untuk memberi pengetahuan serta membuka minda pendidik muzik dalam bidang koir tentang cara mengendalikan sesi latihan dengan menggunakan pendekatan kontekstual secara komprehensif. Maklumat daptan kajian ini dapat meningkatkan penyampaian pembelajaran berkaitan fakta dan konsep, sekali gus menjamin kesinambungan pengetahuan sedia ada terhadap aktiviti latihan koir untuk terus berkembang. Dengan meneroka strategi yang diguna pakai melalui pendekatan kontekstual ini, diharap akan dapat menyediakan gambaran kepada pendidik muzik untuk memahami pendekatan pengajaran bagi sesi pemanasan suara secara lebih dekat, dan dapat menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti nyanyian koir di peringkat sekolah, institusi, kolej, universiti mahupun mana-mana organisasi yang mengamalkan aktiviti koir.

KAJIAN LITERATUR

Pendekatan Kontekstual

Pengajaran secara kontekstual menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian merupakan satu kaedah yang tidak asing lagi dalam dunia pendidikan. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Banyak pembelajaran menggunakan kaedah ini secara langsung atau tidak langsung bagi memenuhi keperluan siswa atau pelajar bagi mengikuti kursus atau mata pelajaran yang tertentu. Menurut Johnson (2002), model pembelajaran kontekstual atau (*Contextual Teaching and Learning/CTL*) merupakan suatu proses pendidikan yang bertujuan membantu pelajar melihat makna dalam bahan pelajaran yang mereka pelajari dengan cara menghubungkannya dengan konteks kehidupan nyata sehari-hari, iaitu dengan konteks lingkungan peribadi, sosial dan budaya mereka. Menurut teori pembelajaran kontekstual (Littlejohn, 2005), pembelajaran hanya berlaku apabila pelajar memproses maklumat atau ilmu pengetahuan baru dengan cara tertentu sehingga ia membawa maksud atau bermakna kepada mereka dalam kerangka rujukan mereka sendiri. Pendekatan kontekstual adalah konsep pembelajaran yang menekankan pada bahan yang berkaitan dengan kehidupan nyata (Mulyasa, 2009).

Pembelajaran kontekstual didasarkan pada hasil penelitian John Dewey yang berupa konstruktivisme berlandaskan pemikiran (filosofi) secara kontekstual, iaitu pengetahuan dibangunkan oleh manusia sedikit demi sedikit yang hasilnya diperluas melalui konteks yang terbatas (Rusman, 2012: 193). Salah satu teori pembelajaran yang mendukung pembelajaran kontekstual ialah, teori pembelajaran Vygotsky (1978). Vygotsky mengatakan bahawa, jalan fikiran seseorang harus mengerti dari latar sosial budaya dan sejarahnya. Menurut Vygotsky (1978: 134), perolehan pengetahuan dan perkembangan kognitif seseorang sesuai dengan teori sosiogenesis. Dimensi kesedaran sosial bersifat primer, sedangkan dimensi individual nya bersifat derivative atau merupakan turunan dan bersifat sekunder. Ertinya pengetahuan dan perkembangan kognitif individu berasal dari sumber-sumber sosial dari luar dirinya. Hal ini tidak bererti bahawa individu bersikap pasif dalam perkembangan kognitif mereka, tetapi Vygotsky juga menekankan pentingnya peranan aktif seseorang dalam mengkonstruksi atau membina pengetahuannya. Konsep-konsep penting melalui teori sosiogenesis Vygotsky ini telah menjelaskan tentang perkembangan kognitif yang sesuai dengan revolusi sosiokultural dalam teori belajar dan pembelajaran seseorang yang mencakupi pelbagai bidang.

Pelbagai strategi pengajaran telah dikenal pasti dan boleh digunakan untuk dilaksanakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kontekstual. Lynch dan Harnish (2002: 23) mengenal pasti tujuh pendekatan yang menyokong konteks tersebut yang dikenal pasti sebagai: i) pembelajaran berdasarkan masalah, ii) pembelajaran berdasarkan projek, iii) pembelajaran berdasarkan kerja, iv) pembelajaran perkhidmatan, v) pembelajaran koperasi. vi) berdasarkan siasatan pembelajaran. dan vii) penilaian sah. Komalasari (2014: 13)

mengidentifikasi ciri-ciri pembelajaran kontekstual yang meliputi pembelajaran menerapkan konsep keterkaitan (*relating*), konsep pengalaman langsung (*experiencing*), konsep aplikasi (*applying*), konsep kerja sama (*cooperating*), konsep pengaturan diri (*self-regulating*), dan konsep penilaian autentik (*authentic assessment*) bersama dengan indikator masing-masing. Ini bermakna, di dalam konteks menyediaan kumpulan koir ke pentas persembahan yang bermutu, kefahaman dan pengalaman yang mendalam oleh para konduktor diperlukan, agar pendekatan pengajaran yang digunakan dapat memberi kesan.

Kurniawan (2014: 156) menggolongkan bahan pembelajaran ke dalam empat jenis iaitu fakta, konsep, prinsip, dan prosedur. Kriteria pemilihan bahan pembelajaran yang merangkumi; i) bahan yang sesuai dengan tujuan pembelajaran, ii) bahan disusun secara sistematik, iii) bahan pembelajaran bersifat kontekstual, iv) dapat dikaitkan dengan pembelajaran selanjutnya, dan v) bahan yang dipelajari dapat berguna dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Aqib (2013: 13) pula, teori pendekatan kontekstual didasari oleh lima perkara, antaranya: i) *Knowledge-Based Constructivism* - menekankan pada pentingnya siswa membangun pengetahuannya sendiri dalam proses pembelajaran, ii) *Effort-Based Learning/Incremental Theory of Intelligence* - bekerja keras untuk mencapai tujuan belajar akan memotivasi seseorang untuk belajar, iii). *Socialization* - belajar merupakan proses social yang menentukan tujuan belajar, iv) *Situated Learning* - pengetahuan dan pembelajaran harus bererti (*significant*) agar tujuan pembelajaran dapat tercapai, dan v) *Distributed Learning* - bahawa manusia adalah bahagian terintegrasi dari proses pembelajaran. Justeru di dalam konteks latihan pemanasan suara bagi kumpulan koir, pendekatan pembelajaran kontekstual ini mampu mendorong minda ahli koir untuk berfikir secara kritis dengan mengaitkan unsur-unsur yang terdapat dalam latihan dan seterusnya boleh mewujudkan daya pemahaman.

Penelitian yang dilakukan oleh Smith (2010) berjudul “*Implementing the Contextual Teaching and Learning Pedagogical Model*” menunjukkan dua manfaat utama penggunaan CTL. Pertama, siswa melaporkan bahawa mereka lebih banyak mempelajari melalui strategi yang digunakan oleh guru dalam pendekatan kontekstual daripada gaya tradisional. Alasan yang diberi adalah kerana siswa dapat mendalami kandungan pelajaran dalam konteks konkret, sekali gus dapat memperkuatkan memori mereka. Kedua, siswa lebih bermotivasi dalam kelas yang dipandu secara CTL. Alasannya mereka dapat memberi tindak balas (*response*) dengan baik untuk strategi yang berkait. Siswa juga berpeluang melihat relevansi dunia nyata dari apa yang mereka pelajari, perkara ini telah menarik dan memotivasi mereka terutamanya bagi siswa yang sering ponteng sekolah akibat kebosanan dengan pembelajaran gaya tradisional. Susulan daripada kenyataan ini, maka timbul persoalan bagaimana penyampaian maklumat oleh konduktor koir untuk menarik minat, serta memastikan maklumat yang disampaikan dapat difahami, serta memberangsangkan ahli koir dalam konteks kumpulan koir tempatan. Kebanyakan kajian berkaitan pembelajaran kontekstual ini adalah terhadap mata pelajaran matematik dan sains, walau bagaimanapun kepentingan pelaksanaan pendekatan ini perlu diteliti dari sudut mata pelajaran atau bidang ilmu yang lain yang turut berkembang dengan menggunakan pendekatan yang sama.

Pemanasan suara

Aktiviti pemanasan adalah sebahagian besar daripada raptai paduan suara yang merangkumi pembelajaran berkaitan pengeluaran suara melalui mekanisme vokal yang melibatkan fisiologi tubuh. Sataloff (2010) menyatakan bahawa, latihan nyanyian koir memerlukan konduktor yang memahami bagaimana untuk berkomunikasi berkaitan amalan teknik vokal yang sesuai untuk menjaga kesihatan alat vokal ahli koir mereka. Menurut Smith dan Sataloff (2006), matlamat latihan pemanasan suara adalah bagi mengadunkan bersama suara-suara nyanyian individu secara terkawal untuk mewujudkan satu bunyi suara yang selari. Pendapat ini menunjukkan kepentingan para konduktor menguasai teknik vokal yang *standard*, serta dapat menggunakan kebijaksanaan di dalam mengaplikasikan pendekatan pengajaran agar dapat menyatupadukan (*blend*) pelbagai bunyi suara dalam kalangan ahli koir mereka.

Memandangkan latihan pemanasan merupakan amalan rutin bagi setiap konduktor koir untuk menyediakan ahli kumpulan koir dengan teknik pengeluaran suara yang bermutu, maka terdapat pelbagai pemboleh ubah yang mempengaruhi perkembangannya. Hasil penyelidikan telah menunjukkan bahawa, pengaruh maklum balas dalam latihan nyanyian bergantung kepada peringkat penyediaan pembelajaran (Franca & Wagner, 2015), peringkat umur penyanyi (Derby, 2001), dan objektif latihan oleh konduktor yang mengamalkan autonomi diri terhadap kelas tertentu (Jenkins, 2005). Melalui teori vokal oleh Appelman (1986), telah menjelaskan bahawa nyanyian bukan satu proses semula jadi, tetapi memerlukan kemahiran refleksi otot yang dinamik. Penyanyi tidak memerlukan kekuatan otot tetapi memerlukan koordinasi otot yang sangat tinggi. Seseorang individu boleh meningkatkan mutu suara melalui amalan pengeluaran suara yang selamat dan sistematik melalui latihan vokal. Penyanyi perlu sentiasa berfikir tentang bagaimana jenis bunyi ideal yang boleh dilahirkan ketika mereka sedang menyanyi. Kenyataan ini menunjukkan keperluan yang perlu dikuasai oleh para konduktor koir, bagi memastikan sebarang pendekatan yang diguna dapat disesuaikan mengikut konteks atau latar belakang muzikaliti ahli kumpulan masing-masing.

Beberapa ahli pedagogi bersetuju bahawa, proses pemanasan boleh memupuk teknik nyanyian yang sihat dan membina nada suara bagi ahli koir. Menurut Gish (2010), latihan pemanasan suara dipercayai menyumbang kepada pencegahan kecederaan lipatan vokal (*vocal cord*), dan membantu meningkatkan kualiti suara. Latihan pemanasan suara yang paling biasa digunakan adalah menyanyikan skala 5 not secara menaik dan menurun, skala oktaf secara menaik dan menurun, nyanyian secara *legato*, *arpeggios*, dan *glissando*. Garretson (2002) pula mentakrifkan bahawa, bagi mencapai tahap nyanyian yang dapat mempengaruhi penonton, kumpulan koir perlu disediakan dari aspek kemahiran vokal. Berdasarkan pendekatan pedagogi vokal, penyanyi akan mampu mencapai aspek-aspek yang lebih sukar contohnya seperti nota tinggi, *pianissimo* dan sebagainya. Justeru itu, pendekatan pedagogi vokal secara saintifik serta aspek estetik haruslah diambil kira untuk mengajar seni nyanyian. Rodney dan Sataloff (2015) telah menjelaskan bahawa konduktor koir perlu menangani aspek seperti postur badan, mekanisme pernafasan, phonation, dan resonance dengan cara memupuk mekanisme nyanyian yang sihat melalui pelbagai aktiviti latihan pemanasan. Sehubungan dengan itu, dalam usaha menyediakan kumpulan koir ke persembahan nyanyian yang bermutu, proses pemantapan menerusi latihan yang bermakna perlu diwujudkan oleh para konduktor, pembelajaran berkaitan teknik vokal yang mengandungi unsur-unsur abstrak perlu diterjemahkan dalam bentuk konkret melalui pendekatan kontekstual yang berkesan.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk

Penyelidikan ini dijalankan menggunakan reka bentuk Kajian Kes. Dalam konteks tajuk penyelidikan ini, ia adalah mirip kepada kajian kes kolektif kerana kajian ini dilakukan untuk memahami teori atau masalah yang berkaitan teori. Pelaksanaan latihan oleh konduktor koir dalam kajian ini hanya tertumpu pada proses pemanasan suara. Bagi mendapatkan data berkaitan proses latihan pemanasan suara oleh konduktor koir sekitar semenanjung Malaysia ini, kaedah temu bual dan pemerhatian digunakan.

Sampel

Untuk mendapatkan maklumat berkaitan pendekatan kontekstual dalam latihan pemanasan suara bagi kumpulan koir berprestij di Malaysia ini, pemilihan peserta telah dipilih melalui kaedah pensampelan bertujuan atau *purposive sampling*. Pensampelan bertujuan bagi kajian ini dibuat berdasarkan kepada ciri-ciri sepertimana yang telah digariskan iaitu; peserta kajian yang mempunyai kepakaran, boleh mewakili, sedia mengambil bahagian, mudah dihubungi, boleh memberikan data yang matang, dan tepat kepada perkara-perkara yang ingin dikaji (Merriam, 2009).

Sehubungan dengan itu, sebanyak tiga buah kumpulan koir sekitar Semenanjung Malaysia yang dikenal pasti memiliki maklumat atau ciri-ciri yang dapat menyumbang kepada matlamat penyiasatan telah terpilih bagi menjalani kajian ini. Antara kriteria asas yang ditentukan bagi pemilihan setiap kumpulan adalah seperti kekerapan atau keaktifan dalam membuat persembahan koir dari semasa-ke semasa, dan dipimpin oleh konduktor yang berpengalaman berdasarkan pengiktirafan yang telah diterima.

Instrumentasi

Instrumentasi atau teknik pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui temu bual. Bentuk temu bual yang digunakan ialah temu bual separa-berstruktur. Pengkaji memilih temu bual jenis ini kerana, pada asasnya temu bual separa-berstruktur menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti, bersifat terbuka atau tidak berstruktur. Soalan-soalan dalam temu bual separa-berstruktur ditentukan terlebih dahulu, dan soalan-soalan susulan adalah bebas untuk ditambah mengikut keperluan.

Bagi mendapatkan data sokongan, kaedah pemerhatian turut dilakukan. Kelebihan kaedah pemerhatian ini membolehkan pemerhati memahami konteks sesuatu aktiviti yang berlaku (Patton, 2015). Seramai 30 orang ahli koir bagi setiap kumpulan koir telah dinilai melalui kaedah pemerhatian sewaktu sesi latihan pemanasan suara dijalankan. Ini bermakna jumlah keseluruhan peserta kajian ialah seramai 94 orang dari tiga buah kumpulan koir. Kaedah pemerhatian berstruktur digunakan dengan berpandukan senarai semak pemerhatian. Pemerhatian yang dijalankan ini telah melibatkan 4 kali sesi latihan pemanasan suara yang dikendalikan bagi setiap kumpulan, ini bermakna keseluruhan sesi yang diperhatikan ialah sebanyak 12 sesi.

Kaedah pungutan data

Pendekatan Interaktif Inkuiri digunakan dalam mengumpul data bagi kajian ini. Pendekatan ini digunakan dalam mencari maksud dan mewujudkan penjelasan interaktif terhadap dapatan. Kaedah ini melibatkan beberapa siri tindakan berulang-ulang daripada pengkaji dalam proses mengumpul data sehingga terjawab segala persoalan kajian. Dalam erti kata yang lain, Interaktif inkuiri memerlukan pengkaji kelapangan secara aktif bagi memastikan data yang diperoleh mencapai ke peringkat tepu.

Data yang dikumpul melalui kajian ini seperti transkripsi temu bual, nota lapangan, video dan fotograf telah diberi kod pengenalan yang memudahkannya diperoleh atau diakses semula. Kesemua data yang dipungut adalah melalui catatan, rakaman video dan juga fotograf. Cara ini digunakan bagi memudahkan pengkaji menganalisis imej visual, tingkah-laku, termasuk membuat transkripsi. Semua data diberikan tarikh perolehan, petunjuk tentang konteks, serta punca sumber. Satu senarai data yang lengkap kemudian di sedia dan digunakan sebagai rujukan sepanjang proses analisis.

Kaedah analisis data

Semua data yang dikumpulkan telah melalui peringkat analisis dan interpretasi. Data dianalisis menggunakan *coding* secara sistematik bagi mendapatkan satu cara atau paten tertentu dari segi struktur perkataan, frekuensi, serta perhubungan. Proses analisis data dilakukan dengan memecahkan data ke dalam unit-unit, melakukan sintesis, menyusun ke dalam pola, dan memilih mana yang penting untuk dipelajari. Tindakan menganalisis data dilakukan dengan mengasingkan data yang berkait rapat dengan idea, perkataan atau konsep yang terdapat dalam transkrip.

Dari setiap transkrip, maksud kategori dikenal pasti dengan membina ‘kata kunci kajian’ dan sub kata kunci yang berkait dengan soalan kajian bagi mewujudkan tema-tema dari pengalaman yang terdapat dalam transkrip. Kata kunci berkembang setelah lebih banyak transkrip ditafsirkan. Pengkaji telah mengasingkan maksud frasa dalam unit-unit dan menomborkan mengikut kategori dalam kata kunci kajian.

Selepas itu, pengkaji memilih tema yang menjadi pengalaman utama para peserta kajian, dan menulis komentar pada setiap tema. Akhir sekali pengkaji meringkaskan kisah atau pengalaman individu tersebut dan mengaitkan dengan tema yang dipilih bagi artikel ini. Daripada kod yang diperoleh, pengkaji mengkategorikan mengikut interpretasi yang sesuai dan mewujudkan tiga tema utama bagi pendekatan kontekstual yang dapat diperbincangkan di dalam artikel ini, iaitu merangkumi; i) analogi, ii) imaginatif, dan iii) rasional.

DAPATAN KAJIAN

Persoalan pokok kajian adalah bagi menjawab bagaimanakah pendekatan kontekstual dalam latihan pemanasan suara dijalankan oleh konduktor koir di Semenanjung Malaysia. Dapatan menerusi data temu bual dan pemerhatian menunjukkan, pembelajaran kontekstual yang diamalkan oleh konduktor koir ini cenderung terhadap konsep menghubung kait. Ahli koir didedahkan dengan pembelajaran melalui pemerhatian dan amali yang berhubung kait dengan contoh-contoh sebenar bagi mewujudkan kefahaman. Konduktor turut mensimulasikan situasi mengikut hasil nyanyian yang dikehendaki, pendekatan yang menghubungkaitkan teori dan amali ini sekali gus turut menggalakkan pembelajaran secara koperatif.

Ciri-ciri pembelajaran kontekstual berkonseptan menghubung kait dalam latihan pemanasan suara ini menyentuh pengalaman sebenar yang telah memberi pendedahan terhadap maksud yang ingin disampaikan oleh konduktor koir berkaitan teknik vokal seperti pernafasan, phonation, resonance dan artikulasi yang terdapat dalam aktiviti nyanyian. Pendekatan ini jelasnya lebih dapat membuka minda, serta pengetahuan sedia ada ahli koir melalui pelbagai situasi pembelajaran. Pemindahan ilmu kepada ahli koir secara menghubung kait dalam konteks kajian ini dapat diuraikan melalui tiga tema utama, antaranya:


- Analogi: iaitu simbolik yang disampaikan secara lisan.
- Imaginatif: sesuatu model yang disampaikan secara bayangan.
- Rasional: merupakan refleksi terhadap kegiatan yang dijalankan dengan menjelaskan sebab akibat sesuatu tindakan yang dilakukan dalam sesi latihan.

Analogi


Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), analogi bermaksud perbandingan di antara dua perkara atau keadaan yang mempunyai persamaan dalam beberapa aspek tertentu. Analogi juga ialah kenyataan yang dicipta daripada perbandingan antara satu perkara dengan perkara yang lain berdasarkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan untuk menyatakan maksud tertentu. Tujuan penggunaan analogi adalah untuk membantu seseorang menambah dan mempercepatkan kefahaman tentang sesuatu perkara. Dalam erti kata yang mudah ialah, penggunaan kiasan untuk menggambarkan sesuatu maksud.

Bagi mewujudkan kefahaman ahli koir terhadap aspek penghasilan suara mengikut teknik vokal, para konduktor koir telah menggunakan kaedah menghubung kait secara analogi agar ahli koir dapat memahami aktiviti dalam latihan dengan lebih mendalam. Sebagai contoh, konduktor koir kumpulan satu menjalankan latihan dengan meminta ahli menunjukkan pembukaan jari sebagai perumpamaan yang menggambarkan jarak (*interval*) antara not ke not di dalam sebutan (bukaan jari kecil, bukaan jari besar, ayunan tangan ke arah depan) mengikut jarak not yang dinyanyikan. Latihan yang memperlihatkan aspek teknik vokal ‘artikulasi’ ini dijelaskan amalannya secara analogi iaitu membuat perkaitan antara bukaan jari dengan jarak antara bunyi suara yang dihasilkan. Contoh latihannya ialah dengan menyebut ‘sing i, sing e, sing a’ yang dinyanyikan dari julat (*range*) rendah secara menaik ke julat tinggi. Latihan diulang dengan menukar dinamik kuat ke lembut. Menurut konduktor kumpulan satu, bahawa beliau sering menggabungkan kemahiran nyanyian dengan pergerakan badan secara serentak atau seiringan untuk

memberi gambaran jelas kepada ahli koir berkaitan tinggi rendah sesuatu pic, atau perlahan lajunya sesuatu tempo yang dinyanyikan mengikut kontur suara.



Rajah 1. Notasi latihan yang dinyanyikan secara berulang-ulang dari julat rendah sehingga ke julat tinggi dengan diikuti oleh pergerakan tangan




Rajah 2. Menunjukkan Pembukaan Jari bagi Menggambarkan Jarak Notasi dalam Latihan Nyanyian
(Sumber: Ilustrasi oleh Penulis)

Antara latihan-latihan yang menggunakan pendekatan analogi juga dapat dilihat pada kumpulan koir kedua. Konduktor koir telah mengaitkan latihan dengan meminta ahli koir menggayun tangan secara bebas sepanjang frasa (seperti membuat senaman Tai Chi) sewaktu melahirkan sebutan. Menurut konduktor dua, tujuan aksi ini dilakukan ialah agar ahli koir dapat menyelami nyanyian secara '*legato*' (*in a smooth flowing manner*). Latihan ini juga telah menyerlahkan unsur ekspresi, yang mana semasa melahirkan bunyi yang disarankan, ahli koir dapat merasa di dalam jiwa mereka berkaitan aliran tenaga yang dilahirkan mereka, iaitu menggabungkan pergerakan yang mereka lakukan dengan pengeluaran suara yang disampaikan. Perkara ini secara tidak langsung dapat mewujudkan kesedaran tentang otot-otot yang bertindak balas ketika menyampaikan nyanyian. Konduktor dua menjelaskan, bagi mengekalkan peletakan suara yang betul sepanjang latihan, beliau akan menunjukkan aksi secara bukan lisan (*nonverbal*) iaitu secara mengangkat tangan beliau ke atas bahagian kepala dengan ayunan yang menggambarkan pengeluaran suara tinggi secara lembut (*legato*), isyarat ini juga menggambarkan kepada ahli koir agar tidak menyampaikan nyanyian secara paksaan atau menjerit (*free tone production*).



Rajah 3. Notasi latihan solfeggio yang dinyanyikan sambil membuat pergerakan seperti senaman Tai Chi.

Penggunaan analogi dalam latihan yang ditunjukkan ini menyerupai ciri-ciri yang telah dikenal pasti oleh Komalasari (2014), iaitu pembelajaran kontekstual yang menerapkan konsep berkait (*relating*). Pendekatan kontekstual dengan teknik nyanyian seiring dengan pergerakan ini telah diterapkan oleh konduktor dalam latihan penyuaraan (*vocalization*) yang disesuaikan dengan situasi fisiologi tubuh ahli koir sendiri. Keadaan ini telah mendorong ahli koir merasa perhubungan antara notasi yang dinyanyikan dengan pergerakan tubuh mereka bagi mencapai hasil nyanyian yang dikehendaki.



Rajah 4. Menggayun Tangan Secara Bebas seperti Membuat Senaman Tai Chi Sepanjang Frasa untuk Menyelami Perasaan Legato dalam Sebutan
(Sumber: Ilustrasi oleh Penulis)

Menurut konduktor kumpulan koir ketiga, tidak semua ahli koirnya dapat menghasilkan bunyi nada suara seperti yang dikehendaki, walau bagaimanapun ahli koir sentiasa mencuba dari semasa ke semasa dengan bimbingan beliau berkaitan tindak balas anatomi tubuh terhadap nyanyian. Maksud bagi setiap latihan akan disampaikan kepada ahli dalam pelbagai contoh untuk mewujudkan kefahaman mendalam para ahli koir. Salah satu pendekatan menghubung kait secara analogi yang boleh dihuraikan ialah, seperti menggunakan sebutan vowel dengan menyanyikan ‘A, E, I, O, U’ dalam satu pic secara not panjang (*sustain note*). Aksi ini dijalankan sambil memegang pipi atau menekan kawasan keliling mulut bagi memastikan bukaan mulut kekal secara vertikal. Latihan ini dijalankan dari julat (*range*) rendah, ke julat tinggi dan diakhiri oleh kumpulan suara soprano (*ascending*). Tujuan aksi ini dilakukan adalah bagi mendapatkan kualiti nada yang selaras atau sama sewaktu pertukaran vowel dan pic dalam nyanyian. Latihan ini telah menampakkan penekanan terhadap aspek teknik vokal seperti ‘phonation’, ‘resonance’ dan ‘artikulasi’.



Rajah 5. Gaya Peletakan Tangan Menekan Pipi Secara Membelakangi Telapak Tangan, 2 Jari Mengepit Bahagian Mulut, dan 2 Tangan Mengepung Bahagian Mulut
(Sumber: Ilustrasi oleh Penulis)

Imaginatif

Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), mendefinisikan imaginasi sebagai kemampuan menggambarkan sesuatu dalam angan-angan atau mencipta sesuatu secara khayalan. Khayalan pula dimaksudkan sebagai sesuatu yang nyata kelihatan pada pandangan seseorang pada hal sebenarnya tidak wujud. Dalam latihan pemanasan suara oleh empat kumpulan koir dari Semenanjung Malaysia ini, telah menampakkan ciri-ciri menghubung kait secara imaginasi dalam meningkatkan kefahaman ahli koir terhadap maksud berkaitan teknik pengeluaran suara dalam nyanyian.


Konduktor koir daripada kumpulan satu percaya, bahawa adalah penting bagi seseorang konduktor untuk memiliki sifat-sifat kreatif dalam pendekatan latihan mereka, agar ianya memberi kesan mendalam terhadap pembelajaran. Memandangkan alat muzik vokal adalah hasil daripada bunyi daripada tubuh badan manusia yang melalui proses tertentu, maka dalam pembelajaran vokal, perlu diwujudkan kesedaran tentang bagaimana tindak balas otot-otot vokal sewaktu menyanyi. Beliau berpendapat, penjelasan berkaitan anatomi tubuh dan proses nyanyian perlu mampu dijelaskan oleh mana-mana konduktor koir supaya dapat mencungkil sepenuhnya potensi yang dimiliki oleh para ahli koir mereka.

Menurut beliau, kesemua aktiviti latihan yang dijalankan perlu menggunakan pelbagai contoh yang sesuai bergantung pada unsur teknik vokal atau konsep muzik yang ingin dijelaskan kepada ahli koir. Misalnya untuk mewujudkan kesedaran ahli koir terhadap cara pernafasan yang betul ketika menyanyi, beliau akan meminta ahli koir untuk membuat imaginasi kononnya mereka sedang menghirup minuman yang pekat seperti ‘strawberry shake’ secara pantas. Dengan melakukan aksi ini, akan mendorong penyanyi untuk menarik nafas secara mendalam, maka dengan automatik tulang rangka bahagian paru-paru penyanyi akan mengembang dan menolak otot diafragma ke bawah. Tanpa memberi penjelasan secara saintifik atau menggunakan istilah yang sukar difahami, adalah dianggap lebih berkesan bagi beliau, kerana penglibatan ahli koirnya adalah daripada pelbagai latar belakang, dan tidak semuanya terdiri daripada ahli yang mengambil kelas vokal. Pendekatan imaginatif ini dapat mewujudkan kefahaman yang selari dari segi tindakan atau aksi yang dilakukan sewaktu menarik nafas dalam kalangan ahli koir sewaktu menyanyi.

“Show or do something like imagine u have a very thick strawberry shake, can u suck it quick, <scrruppp....>, when you do this, your rib cage will automatically blooming, and they will understand what's going on, rather than ask them to breathe without example. If we use diafragm we need to educate more, but in choir, no need to do that, just simple normal effective way with example of breathing using lung and automatically the diafragma will go down then it will be O.K.”


(TB/K1/b.45)

Bagi konduktor kumpulan koir kedua, beliau sering menggunakan pendekatan imaginatif terhadap ahli koir beliau untuk melahirkan mutu suara yang diingini. Kelihatan konduktor koir kumpulan ini membimbang ahlinya dalam membuat latihan eksplorasi terhadap nada suara masing-masing secara mengikut arahan isyarat tangan (*gesture*) yang dipimpin beliau; contohnya bunyi terbuka, bunyi tertutup, bunyi gelap, dan bunyi terang. Latihan ini dijalankan dengan menggunakan pic yang sama terhadap sebutan vowel yang berlainan, seperti ‘Aaaa, Eeee, Iooo, Oooo, Uuuu’. Dalam latihan ini, konduktor koir telah menunjukkan pertukaran isyarat tangan secara beransur-ansur, contohnya bukaan tangan kecil ke besar dan ayunan tangan dari arah atas ke bawah. Isyarat tangan ini serentak disokong oleh ekspresi muka dan buaan mulut (*miming*) oleh konduktor, dengan menggambarkan gaya sebutan yang dikehendaki. Menurut beliau, kesemua aktiviti latihan yang dijalankan perlu menggunakan pelbagai contoh yang sesuai dari semasa ke semasa, bergantung pada unsur teknik vokal atau konsep muzik yang ingin dijelaskan pada satu-satu masa.



Rajah 6. Isyarat Tangan bagi Menggambarkan Bunyi Nada Suara Terbuka, Nada Tertutup, Nada Gelap, dan Nada Terang
 (Sumber: Ilustrasi oleh Penulis)

Konduktor koir ketiga pula percaya, bahawa aspek teknikal dapat menyokong nyanyian ahli koir, walau bagaimanapun ianya sesuatu yang hanya dapat di bayangkan kerana otot-otot tubuh yang bertindak balas sewaktu menyanyi tidak dapat dilihat kecuali dirasa. Dengan itu, konduktor kumpulan ini turut menerapkan pengajaran yang mempunyai unsur psikologi iaitu imaginatif supaya ahli dapat merasa secara emosi. Contoh latihan yang dapat dilihat daripada kumpulan ini ialah, dengan menyanyikan keratan pic mudah melalui sol-fa ‘do, mi, sol, me, do, mi, sol, mi, do’ dan secara membongkok seperti ‘rukuk’ (kepala lihat lutut) dengan sebutan ‘I, i, i, i, A, a, a, a’. Menurut beliau, tujuan aksi dilakukan adalah supaya ahli koir dapat merasa sensasi suara disalurkan di bahagian muka secara tidak memberi tekanan (*tension*) di bahagian tekak, tetapi lebih memberi perhatian atau fokus terhadap otot di bahagian perut (*abdominal muscle*) sewaktu menyanyi.




Rajah 7. Menyanyikan Keratan Latihan Secara Membongkokkan Badan
 (Sumber: Ilustrasi oleh Penulis)

Rasional


Peringkat pemikiran seperti berfikir secara kreatif dan kritis telah menyumbang kepada gerak kerja penaakulan (*reasoning*) untuk menentukan logik dan rasionalnya sesuatu perkara. Di dalam pembelajaran kontekstual berkonsepkan menghubung kait ini, para konduktor koir turut memberi penerangan secara rasional bagi setiap tindak tanduk yang disarankan dalam sesuatu latihan. Senario ini adalah bagi mewujudkan kesedaran dalaman para ahli koir agar dapat mencapai jangkaan bagi sesuatu tindakan yang diambil dalam menghasilkan nyanyian yang bermutu.

Dapat dilihat bagaimana konduktor kumpulan satu menerapkan kefahaman kepada ahli koir secara memberitahu rasional atau wajaran sesuatu corak latihan yang mereka amalkan. Contohnya konduktor koir menghuraikan secara verbal bagaimana seharusnya ahli koir menyampaikan not di pic tinggi, yang mana ahli koir disarankan menggunakan ‘*register*’ kepala secara mengaitkan terhadap aspek resonance atau gemaan di sekitar bahagian kepala. Menurut beliau, aspek ini turut dikaitkan dengan teknik ‘peletakan suara’ iaitu meletakan kedudukan bunyi ke arah bahagian sekitar hadapan muka. Beliau menjelaskan berkaitan perasaan atau kesan yang harus dirasai sewaktu melakukan latihan “humming” yang mana sewaktu melakukan latihan tersebut, ahli koir perlu mampu merasakan sensasi getaran atau gemaan di bahagian sekitar hidung (*nasal cavity*) masing-masing. Rasional bagi sebarang tindakan atau perlakuan yang disarankan oleh beliau telah dihuraikan kepada ahli koir bagi bertujuan mewujudkan keselarian dalam gaya bukaan mulut, sekali gus menjamin kualiti nyanyian dalam kalangan kumpulan ini.



Rajah 8. Ruang Segi Tiga yang Menunjukkan Kawasan Peletakan Suara di Sekitar Hidung dan Dahi
(Sumber: Ilustrasi oleh Penulis)

Interaksi konduktor yang bertemakan rasional bagi kumpulan koir kedua pula, dapat dihuraikan melalui aspek yang berkaitan dengan tenaga suara. Konduktor koir kumpulan ini menjelaskan bahawa, atas dalam nyanyian memerlukan sokongan pernafasan yang jitu. Bagi menjelaskan aspek pernafasan yang sememangnya berlaku secara semula jadi ini, sememangnya menjadi cabaran bagi beliau. Menurut beliau, kebanyakannya ahli koir tidak mampu menyokong nyanyian dalam satu frasa yang panjang dengan berkesan, tanpa mereka lakukan secara paksaan. Bagi mewujudkan kesedaran ahli koir dalam aspek teknik vokal pernafasan ini, beliau sering mendorong ahlinya untuk berfikir terhadap aksi pernafasan berasaskan cara semula jadi (*normal breathing*), kerana biasanya penyanyi akan terdorong mengawal nafas mereka secara berlebihan dan kurang efisien. Konduktor kumpulan ini turut membuat demonstrasi bagaimana perlu menyedut dan melepaskan nafas dengan penggunaan otot diafragma untuk menyokong nyanyian. Menurut beliau, melalui latihan-latihan yang dijalankan, dapat melatih mengaktifkan penggunaan otot diafragma agar dapat menyokong nyanyian not yang panjang atau menghabiskan sebutan ayat dalam satu frasa.



Rajah 9. Contoh visual pernafasan cetek dengan menggunakan bahagian dada dengan pernafasan mendalam iaitu disertai dengan sokongan otot diafragma

(Sumber: <https://www.google.com/search?q=image+pernafasan&tbo>).

Tindakan menerangkan secara rasional berkaitan teknik menyedut dan melepaskan nafas ketika menyanyi ini, dapat mendorong pemikiran kritis ahli koir bagi menyelaraskan gaya pernafasan yang baik sewaktu menyampaikan nyanyian. Perkara ini sejajar dengan teori yang telah dikemukakan oleh Appelman (1986), bahawa nyanyian memerlukan kemahiran refleksi otot yang dinamik, yang mana memerlukan koordinasi otot yang sangat tinggi. Ini menunjukkan kepentingan bagi ahli koir memahami aspek teknik pernafasan yang telah diterapkan oleh konduktor mereka, iaitu dengan tidak menekankan pada kekuatan otot tetapi lebih kepada kefahaman bagaimana menyelaraskan otot-otot untuk bertindak balas ketika menyampaikan nyanyian.

Konsep menghubung kait turut dapat diperhatikan dalam latihan kumpulan koir ketiga yang mana konduktor koir telah menghuraikan rasional perlakuan menerusi latihan-latihan yang dijalankan. Konduktor kumpulan ini telah menjelaskan bagaimana otot-otot nyanyian bertindak balas sepetimana kesannya kepada seseorang apabila melakukan senaman. Konduktor telah memberitahu ahli koir sebab musabab mereka disarankan membuat latihan pemanasan suara bagi aspek *phonation* dalam keadaan membongkokkan badan. Menurut beliau, tujuan aksi ini dilakukan adalah supaya secara psikologinya, ahli koir dapat merasa aliran bunyi suara yang dihasilkan dari badan mengalir menerusi vokal kod terus ke bahagian kepala, tanpa memberi tekanan (*tension*) di bahagian tekak. Bagi memastikan wujudnya kesedaran dalaman ahli koir terhadap aksi atau tingkah laku yang mereka jalani ini, beliau turut melakukan sesi bersoal jawab, dengan meminta ahli menjelaskan tindak balas bahagian otot mana yang mereka rasakan sewaktu membuat latihan.

"I think it's how to reach the voice um... with a very comfortable way, because they always have a very tight vocal cord, so the sound cannot be blend between the high and lower voice. If you have a small voice, and you can sing beautifully in a small voice, or sing in tune, then you are in your own comfortable singing. I always tell them that the simplest thing or the most comfortable thing is actually the hardest bit to do. But when everything is aligned in you, then your singing should be very-very easy, that is because we acquire habits."

(TB/K4/b.56)

Jadual 1

Penggunaan pendekatan kontekstual dalam latihan pemanasan berhubung dengan aspek teknik vokal

Kumpulan Koir	Pernafasan	Phonation	Resonance	Artikulasi
KK1	✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓
KK2	✓ ✓ ✓	✓ ✓	✓ ✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓
KK3	✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓	✓ ✓ ✓	✓ ✓
JUMLAH	9	8	10	8

Petunjuk: Simbol (✓) mewakili satu sesi latihan yang diperhatikan.

Berdasarkan jadual di atas, menunjukkan kekerapan pelaksanaan Pendekatan Kontekstual latihan pemanasan yang diperhatikan menerusi empat sesi latihan bagi setiap satu kumpulan koir. Aspek resonance paling banyak diadaptasikan melalui pergerakan, diikuti oleh aspek pernafasan, aspek phonation dan seterusnya artikulasi. Ini menunjukkan, bagi mewujudkan kefahaman yang mendalam terhadap unsur-unsur teknik vokal, para konduktor berserta ahli koir telah mengintegrasikan kaedah pergerakan tubuh mengiringi latihan nyanyian secara aktif semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

PERBINCANGAN

Dalam meneliti pendekatan kontekstual oleh konduktor koir terhadap beberapa kumpulan koir di Semenanjung Malaysia ini, telah memperlihatkan kepelbagaiannya teknik yang digunakan oleh konduktor bergantung pada unsur muzik dan teknik vokal yang ingin mereka sampaikan. Terdapat kesamaan dari segi latihan yang diamalkan, yang mana melibatkan aktiviti penyuaran (*vocalization*) dengan menggunakan latihan nyanyian pelbagai skel. Perbezaan yang ketara adalah dari segi pendekatan yang digunakan, yang mana penerangan terhadap sesuatu unsur muzik atau teknik vokal disampaikan telah melibatkan contoh-contoh konkret yang pada dasarnya bergantung kepada latar belakang ahli koir masing-masing. Ini dilakukan bagi menjamin kefahaman bagi semua ahli koir yang terdiri daripada mereka yang mempunyai

latar belakang muzik dan juga yang tiada berlatar belakangkan kelas muzik khususnya kelas vokal. Kemahiran konduktor koir dalam mengadaptasikan kepelbagaiannya bentuk latihan di dalam sesi pemanasan suara, memberi ruang kepada konduktor menjelaskan secara mendalam terhadap sesuatu unsur teknik vokal yang perlu diketahui oleh ahli koir untuk mempersiapkan diri ke arah penyampaian repertoire.

Dapat disimpulkan bahawa, pendekatan kontekstual menerusi konsep menghubungkait dengan tema analogi, imaginatif dan rasional ini, telah mewujudkan kesedaran kepada ahli koir akibat daripada kebiasaan dalam tindakan yang dilakukan secara berulang-ulang di dalam setiap sesi latihan. Di dalam latihan pemanasan yang dijalankan, diserapkan aspek teknik vokal yang merentas setiap corak latihan di antaranya seperti pernafasan, *phonation*, *resonance* dan artikulasi. Unsur-unsur teknikal yang ditekankan di dalam latihan pemanasan suara juga disesuaikan atau dikaitkan dengan tema sesebuah lagu atau persembahan yang ingin mereka sampaikan. Segala tindak balas yang diterima daripada ahli koir merupakan hasil keputusan yang dipertimbangkan dengan baik oleh konduktor masing-masing. Antara perkara-perkara yang dipertimbangkan adalah menerusi kepercayaan serta nilai-nilai yang diperlukan untuk memberi impak terhadap mutu nyanyian di dalam sesi pemanasan suara, antaranya ialah: mengambil kira pelbagai latar belakang muzikal ahli; mengambil kira kesediaan mental dan fizikal ahli; menerapkan pendekatan pengajaran kontekstual yang praktikal melalui contoh yang relevan; konduktor sebagai model dan mampu membuat demonstrasi terhadap nyanyian yang dikehendaki mereka; mengamalkan gaya pengajaran yang fleksibel iaitu menerapkan ilmu kepada ahli dalam pelbagai situasi; wujudnya perhubungan yang positif antara konduktor dan ahli dengan mengamalkan sikap keterbukaan terhadap masalah kefahaman dalam menangani isu teknik vokal bagi setiap ahli; dan suasana belajar yang kondusif, yang mana ahli koir dapat menerima ilmu secara optimal dan mengembangkan kemahiran nyanyian mengikut kemampuan masing-masing.

Pendekatan pembelajaran kontekstual yang diserapkan oleh konduktor tiga kumpulan koir ini juga dilihat telah menarik minat ahli koir terlibat secara aktif dalam sesi latihan, membantu meningkatkan keupayaan ahli, dan memotivasi kumpulan masing-masing. Penggunaan pendekatan kontekstual di dalam sesi latihan pemanasan suara juga, telah menunjukkan keyakinan diri bagi ahli koir di dalam aspek menyampaikan nyanyian mereka secara lebih muzikal. Dapat dirumuskan di sini, bahawa latihan pemanasan suara sememangnya memerlukan konduktor yang memahami berkaitan perkembangan fizikal, mental dan rohani ahli koir, supaya unsur pembelajaran yang ingin diserapkan bersesuaian untuk dilaksanakan pada dan ketika waktu latihan. Perkara ini sejajar dengan pendapat Smith (2010) yang telah membuktikan manfaat penggunaan pendekatan kontekstual yang membolehkan pelajar mendalami kandungan pelajaran dalam konteks konkret, sekali gus mampu memperkuatkan memori dan lebih termotivasi dalam kelas yang dipandu secara CTL.

RUMUSAN

Berdasarkan hasil penelitian dan pembahasan dalam pendekatan kontekstual dalam latihan pemanasan suara ini, dapat disimpulkan bahawa pendekatan para konduktor adalah bersifat abstrak, teoretikal, dan akademik. Pendekatan yang diberi berkait dengan masalah-masalah yang dihadapi ahli koir dalam pembelajaran berkaitan teknik vokal yang mewujudkan kesedaran tentang tindak balas tubuh terhadap nyanyian dalam lingkungan diri individu serta secara berkumpulan. Latihan telah menekankan pengetahuan yang perlu dikuasai sejajar dengan kemampuan ahli mengikut repertoire yang akan disampaikan bagi sesuatu sesi latihan. Lingkungan sekitar pembelajaran dimanfaatkan secara optimal yang memfokuskan konduktor sebagai sumber rujukan. Melalui hasil dapatan kajian, boleh disimpulkan bahawa sesi pemanasan suara yang dijalankan telah menunjukkan kerjasama, pembelajaran yang tidak membosankan, ahli dapat belajar dengan bersemangat, mewujudkan pembelajaran terintegrasi, dan menggalakkan ahli untuk aktif. Hasil kajian juga telah menunjukkan kreativiti serta keterampilan para konduktor di dalam mengendalikan latihan

pemanasan suara dengan menggabungkan nyanyian bersama pergerakan untuk meningkatkan kefahaman ahli koir, malah mencakupi secara menyeluruh terhadap aspek kognitif, afektif, mahupun psikomotor.

Penelitian berkaitan pembelajaran secara kontekstual ini hanyalah salah satu pendekatan yang dibincangkan menerusi latihan pemanasan suara bagi tiga buah kumpulan koir di Semenanjung Malaysia. Terdapat pelbagai pendekatan pembelajaran lain yang turut boleh dikaji dan diterokai dalam latihan pemanasan suara serta di dalam latihan nyanyian bagi rangkaian lagu daripada pelbagai lapisan kumpulan koir yang terdapat di Malaysia. Dicadangkan bagi kajian akan datang untuk meneroka pendekatan yang berlainan daripada apa yang telah dikaji menerusi kajian ini. Sebarang kemahiran mahupun kelemahan yang dibentangkan dalam kajian kes ini mungkin hanya relevan terhadap kumpulan yang dikaji, tetapi berbeza dengan konteks kumpulan-kumpulan koir yang lain. Penyiasatan kajian ini hanyalah dibuat terhadap tiga buah kumpulan koir yang telah berjaya. Justeru, bagi meluaskan penyiasatan tentang kumpulan koir di Malaysia, dicadangkan juga kajian meneroka daripada kumpulan-kumpulan koir yang mempunyai kategori pencapaian yang berbeza dalam persembahan mereka. Dapatkan yang bercapah berkaitan perkembangan kumpulan koir di Malaysia dapat membantu para konduktor, kumpulan koir, mahupun pendidik muzik, untuk meningkatkan kemahiran mereka di dalam penguasaan pedagogi pengajaran masing-masing.

RUJUKAN

- Appelman, R. (1986). *The science of vocal pedagogy: Theory and application*. Bloomington: Indiana University Press.
- Aqib, Zainal. (2013). *Model-model, media, dan strategi pembelajaran kontekstual*. Bandung: Yrama Widya.
- Bond, L. (2004). *Using contextual instruction to make abstract learning concrete techniques: Connecting Education and Careers*. Association for Career and Technical Education. Retrieved from <http://acteonbne.org>
- Derby, S. E. (2001). Rehearsal of repertoire in elementary, middle, and high school choirs: How teachers effect change in student performance. *Dissertation Abstracts International*, 62 (03), 954A. (UMI No. 3008313)
- Franca, M. C., & Wagner, J. F. (2015). Effects of vocal demands on voice performance of student singers. *Journal of Voice: Official Journal of The Voice Foundation*, 29(3), 324-332. doi:<http://dx.doi.org/10.1016/j.jvoice.2014.07.004>
- Garretson, R. L. (2002). *Conducting choral music*. New Jersey: Prentice Hall.
- Gish, A. K. (2010). *Vocal warm-up practices and perceptions in vocalists: A pilot survey*: MA, Communication Sciences & Disorders, Louisiana State University. Retrieved from https://digitalcommons.lsu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=4011&context=gradschool_theses
- Jenkins, B. L. (2005). Beautiful choral tone quality rehearsal techniques of a successful high school choral director. *Dissertation Abstracts International*, 67 (09). (UMI No. 3235845)
- Johnson, E. B. (2002). *Contextual teaching and learning: what it is and why it's here to stay*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press, INC.

- Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Diakses dari <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>
- Kurniawan, D. (2014). *Pembelajaran terpandu TEMATIK (teori, praktik, dan penilaian)*. Bandung: Alfabeta.
- Komalasari, K. (2014). *Pembelajaran kontekstual konsep dan aplikasi*. Bandung: Refika Aditama.
- Littlejohn, S. W. (2005). *Theories of human communication*. Belmont: Wadsworth.
- Lynch, R. L., & Harnish, D. (2002). *Review of literature on contextual teaching and learning and qualitative case study methodology in education*. Washington, DC: U.S. Department of Education.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Morrell, P. (2003). Cognitive impact of a grade school field trip. *Journal of Elementary Science Education*, 15(1), 27-36.
- Mulyasa, E. (2009). *Menjadi guru profesional menciptakan pembelajaran kreatif dan menyenangkan*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Olesen, B. C. (2010). *The impact of musical background, choral conducting training and music teaching style on the choral warm-up philosophy and practices of successful high school choral directors*. (Doctoral dissertation). University of Miami. 2010-06-11
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2001). *Pembelajaran secara kontekstual*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Regina, Yolanda. (2016). Pengaruh komunikasi interpersonal guru dan pembelajaran kontekstual terhadap komitmen belajar siswa. *Jurnal Kultur Demokrasi* (4)
- Rodney, J. P., & Sataloff, R. T. (2015). The effects of hormonal contraception on the voice: History of its evolution in the literature. *Journal of Voice: Official Journal of The Voice Foundation*. doi:10.1016/j.jvoice.2015.08.014
- Rolsten, K. K. (2011). *The performance production process of an outstanding high school choir*. (Doctoral dissertation). University of South Florida. UMI Number: 3466715
- Rusman. (2012). *Model-model pembelajaran mengembangkan Profesionalisme Guru*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Sataloff, R. T. (2010). Care of the professional voice: Controversies and confusions in diagnosing laryngopharyngeal reflux. *Journal of Singing*, 66(5), 553-557
- Sears, S. J., & Hersh, S. (2000). *Best practices in contextual teaching and learning: Program profiles and cross-profile analysis*. Columbus: The Ohio State University.

- Smith, B. & Sataloff, R. T. (2006). *Choral pedagogy*. San Diego, CA: Plural.
- Smith, B. P. (2010). Implementing the contextual teaching and learning pedagogical model. *Journal of Family and Consumer Sciences Education*, 28 (1), 23-38. Retrieved from <http://www.natefac.org/JFCSE/v28no1/v28no1Smith.pdf>
- Suherli, K. (2009). Model pembelajaran kontekstual. (*Contextual teaching and learning*). Diperolehi dari <http://irfarazak.blogspot.com/2009/04/model-pembelajaran-kontekstual.html>
- Vygotsky, L. (1978). *Mind in Society*. Ed. M. Cole et al. Cambridge, MA: Harvard University Press.